

17/04/2001

Akta lindungi saksi kes jenayah akan diwujudkan

Kadir Dikoh

SHAH ALAM, Isnin - Kerajaan mengkaji kemungkinan mewujudkan satu akta bertujuan melindungi saksi kejadian jenayah daripada sebarang ancaman, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, akta yang mampu melindungi saksi akan menggalak lebih ramai orang tampil membantu pihak berkuasa dalam siasatan terhadap sesuatu kes.

Beliau kesal dengan sikap sesetengah orang yang tidak mahu membantu pihak berkuasa menyelesaikan kes jenayah.

"Ada beberapa kes yang mana saksi-saksi penting diancam dan diberi amaran supaya jangan memberi sebarang keterangan di mahkamah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pesuruhjaya, Ketua, Komander dan Komandan Polis, di sini hari ini.

Mengulas ucapannya bahawa banyak kes penjenayah terlepas daripada pihak berkuasa kerana tidak mendapat kerjasama saksi, Dr Mahathir kesal dengan sikap sesetengah orang yang tidak mahu membantu pihak berkuasa menyelesaikan kes jenayah.

Katanya, masalah saksi keberatan untuk tampil membantu polis mungkin boleh diatasi jika pasukan polis disertai lebih ramai anggota pelbagai kaum.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri berkata saksi mungkin keberatan untuk memberi maklumat kepada pihak berkuasa kerana beranggapan menjadi saksi boleh menjadi `beban' kerana mereka perlu menghadapi soalan polis.

"Bukan kerana mereka tidak ada semangat awam," katanya.

Mengenai soal perundangan, Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengkaji semua undang-undang yang dianggap lapuk untuk disesuaikan dengan perkembangan semasa terutama bagi menangani jenayah menggunakan teknologi maklumat (IT).

Beliau memberikan contoh Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang sekarang dianggap sudah tidak berkesan dalam menangani apa yang dilakukan menerusi Internet.

"(Maklumat) dengan mudahnya boleh diperturunkan (daripada Internet) ke atas kertas dan diedar sama seperti dokumen lain, sama seperti akhbar-akhbar lain.

"Kalau apa yang disebar ini mempunyai unsur hasutan, amat sukar bagi kita mengambil tindakan kerana ada saja cara mereka menolak dakwaan bahawa mereka terbabit secara langsung dengan apa dikeluarkan di Internet," katanya.

Perdana Menteri berkata, jalan lain perlu dicari bagi menangani segala bentuk hasutan yang disebarkan di Internet supaya undang-undang yang ada kembali relevan pada zaman IT ini.

Katanya, banyak undang-undang sekarang memperuntukkan jumlah denda kecil berbanding jenayah yang dilakukan dan hukuman terlalu ringan tidak memberi kesan untuk membanteras perbuatan tidak bertanggungjawab itu.

Ditanya sama ada undang-undang baru perlu diwujudkan bagi menangani masalah penyebaran maklumat palsu dalam Internet, beliau berkata ia bergantung kepada keadaan.

"Dalam kes tertentu, mungkin perlu undang-undang baru. Dalam kes lain pula, mungkin perlu membuat beberapa pindaan," katanya.

Dr Mahathir kemudian mengadakan dialog tertutup selama kira-kira 45 minit. Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara, Tan

Sri Norian Mai.

Dalam ucapan itu, Dr Mahathir meminta polis meningkatkan kecekapan dan pengetahuan bagi menangani jenayah bentuk baru dalam era IT sekarang terutama jenayah komersil.

Katanya, kini banyak peguam yang begitu cekap sehingga pelanggan mereka yang melakukan sesuatu jenayah boleh bebas dan penjenayah ini terus bebas untuk melakukan lebih banyak jenayah.

"Sekarang ini sebahagian yang disebar dalam internet mempunyai unsur hasutan yang amat sukar bagi kita mengambil tindakan. Ini adalah hanya permulaan dan tidak lama lagi akan ada bermacam-macam lagi cara jenayah yang boleh dilakukan dengan menggunakan komputer, Internet, telefon dan sebagainya. Semua ini merumitkan kerja polis.

"Kita tidak ada pilihan melainkan kita juga perlu mempertingkatkan keupayaan kita dalam semua bidang yang baru ini. Jika tidak, sudah tentulah negara kita akan menghadapi pelbagai masalah dan pelbagai jenayah baru di samping jenayah biasa yang masih berleluasa," katanya.

(END)